

Headline	Generasi masa depan akan hargai Dasar Geran Komunal		
MediaTitle	Harian Ekspres (KK)		
Date	16 Aug 2014	Color	Full Color
Section	Tempatan	Circulation	29,826
Page No	1	Readership	97,836
Language	Malay	ArticleSize	509 cm ²
Journalist	Chris Maskilone	AdValue	RM 2,622
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 7,866



‘Generasi masa depan akan hargai Dasar Geran Komunal’

Chris Maskilone

KOTA KINABALU: Dasar Geran Komunal unik yang dilaksanakan oleh Jabatan Tanah dan Ukur untuk memberi tanah kepada rakyat banyak membantu usaha pemuliharaan pengetahuan tradisional hutan serta jati diri masyarakat tempatan.

Ahli saintis, Datuk Dr Hajah Marzalina Mansor percaya dasar Geran Komunal yang dimulakan oleh Jabatan Tanah dan Ukur di bawah Pengaruhnya, Datuk Osman Jamal beberapa tahun lepas bukan saja membantu memastikan tanah kekal milik rakyat tetapi juga memastikan sistem ekologinya terpelihara.

“Kalau tanah itu dijual (kepada pemilik baharu), mereka mungkin membersihkan tanah itu bersama seluruh hutan di dalamnya. Semuanya akan hilang,” katanya apabila ditemui semasa Simposium Pemuliharaan Kebangsaan 2014 di Pacific Sutera di sini dari 11 hingga 14 Ogos.

“Ramai orang mungkin tidak menyukainya dan merupakan perkara yang amat sukar dilakukan, tetapi 100 tahun dari sekarang, generasi masa depan akan menghargai usaha itu apabila mereka menikmati hasil kejayaan dasar tersebut,” katanya.

Dr Marzalina yang juga Pengarah Perancangan Penyelidikan dan Korporat Institut Penyelidikan Hutan Malaysia (FRIM) dan telah bersama dengan FRIM selama 26 tahun,

menumpu terutamanya kepada pemuliharaan pengetahuan tradisional membabitkan, antara lainnya, menyelidik interaksi antara sistem sosial manusia dan sistem ekologi tempat mereka tinggal sejak zaman dahulu.

Menjadikan usahanya lebih penting lagi adalah fakta bahawa Malaysia merupakan negara biodiversiti mega ke-12 dengan kira-kira 54 peratus daripada kawasan tanahnya masih diliputi hutan.

Menurutnya, semuanya berubah sebaik sebuah hutan dibersihkan.

“Ramai yang mula sedar bahawa sesetengah spesies pokok atau buah yang mereka biasa lihat apabila kecil, kini sudah hilang. Tanya diri sendiri, dahulu saya biasa melihat pokok ini tetapi sekarang tidak lagi,” katanya.

Begitu juga, sebaik hutan dibersihkan, kawasannya tidak lagi sama kerana semua tumbuhan dan pokok yang menyumbang kepada sistem ekologi telah hilang.

“Maksudnya, sebaik hutan lenyap, penduduk asli kawasan itu juga akan kehilangan pengetahuan tradisional yang diwariskan dari satu generasi ke generasi seterusnya (menggunakan flora dan fauna sebagai ubat atau makanan).

“Yang tinggal hanyalah resepi,” katanya, dan menambah, dari sudut lain, ia juga mungkin menyebabkan penduduk asli perlu keluar dari rumah mereka untuk membeli barang yang dahulunya mereka hasilkan sendiri.

Beliu juga menyifatkan tekanan hidup dalam dunia moden hari ini sebagai punca berkurangnya pengetahuan tradisional.

Orang yang tinggal di bandaraya mungkin mempunyai sedikit pengetahuan tradisional tetapi sebab mereka

terlalu sibuk mencari nafkah, mereka tiada masá lapang untuk mewariskan pengetahuan mereka kepada anak-anak mereka.

“Contohnya, memasak makanan tradisional. Ibu bapa tahu resepinya dan cara untuk memasaknya daripada pengetahuan yang diwariskan oleh ibu bapa mereka, tetapi kini mereka tidak dapat mewariskan pengetahuan itu kepada generasi seterusnya kerana mereka tiada masa untuk memasak,” katanya, dan menambah akibatnya, masyarakat mereka kehilangan satu pengetahuan tradisional.

Dalam kertas kerjanya yang ditulis bersama dengan Rosniza R bertajuk Traditional Knowledge Conservation A Common Responsibility, beliau mendangangkan satu kitaran kerjasama untuk memberi sinergi kepada usaha bersepadan oleh semua agensi bertanggungjawab.

Berdasarkan kerja terdahulu, ia menyebabkan dokumentasi herba sebagai hasil ubat yang telah diselidik secara saintifik.

Tetapi pada ketika ini, kekurangan kerjasama terutamanya di antara agensi ini menyebabkan duplikasi dan pertindihan peranan dan fungsi yang menghalang objektif itu dicapai sepenuhnya.

Pemegang amanah ialah agensi pembangunan dan penyelidikan kerajaan, agensi swasta, NGO dan institusi pendidikan tinggi.

Di tengah-tengah kitaran kerjasama itu ialah fokus utama iaitu pemuliharaan pengetahuan tradisional masyarakat tempatan.

Dr Marzalina memperkenalkan beberapa lingkaran kepada lapisan kitaran jelas menggariskan bagaimana

Headline	Generasi masa depan akan hargai Dasar Geran Komunal		
MediaTitle	Harian Ekspres (KK)		
Date	16 Aug 2014	Color	Full Color
Section	Tempatan	Circulation	29,826
Page No	1	Readership	97,836
Language	Malay	ArticleSize	509 cm²
Journalist	Chris Maskilone	AdValue	RM 2,622
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 7,866

setiap pemegang amanah harus berhubung antara satu sama lain, oleh fokus terhadap sasaran lebih berkesan.

Mungkin gelanggang paling penting pada kitaran itu katanya ialah generasi muda.

Lingkaran generasi muda merangkumi semua lapisan dalam kitaran menunjukkan kepentingan melibatkan mereka dalam usaha pemuliharaan tradisional, katanya.

Memperkasa generasi muda dalam mempromosikan usaha tradisional melalui apa yang beliau panggil Projek Penghubungan dilihat sebagai satu cara yang berkesan untuk merangsang minat dalam kalangan rakan mereka daripada mempunyai seseorang daripada generasi lebih tua bercakap kepada mereka tentang subjek sama.

Tindakan itu adalah penting kerana fakta yang membimbangkan

berdasarkan data daripada Kementerian Perladangan dan Industri bahawa negara telah kehilangan kira-kira 1.47 juta hektar daripada 1990 hingga 2011 yang juga bermakna secara langsung pengetahuan tradisional juga terjejas ketika hutan dimusnahkan.

“Kesimpulannya, jika semua orang menumpukan terhadap bekerja bersama, memformalkan dan membina rangkaian yang kuat, kerja bertindih boleh dielakkan. Ia akan memoptimumkan masa dan dana terhad untuk mencapai hasil impak lebih tinggi kepada komuniti tempatan dalam usaha pemuliharaan.

“Semua orang boleh menggunakan pengetahuan tradisional yang dipulihara jika ia dilakukan bersama secara bertanggungjawab, penuh dengan komitmen dan dipantau melalui satu sistem yang efektif,” katanya.

